

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Jun

2 $\frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1103/1 © 2014 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT




Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah menjaga keselamatan kanak-kanak. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Langkah-langkah Menjaga Keselamatan Kanak-kanak

Mengawasi anak-anak di tempat awam



Sentiasa berada dalam kumpulan



Mempelajari ilmu pertahanan diri

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Penduduk di tempat anda tinggal telah mengadakan majlis sambutan hari keluarga. Ceritakan penglibatan anda dalam menjayakan majlis tersebut.
- 2 Penjagaan terhadap warga tua sepatutnya diberikan keutamaan oleh ahli keluarga. Berikan hujah-hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.
- 3 Perkembangan pelbagai bidang industri di negara kita seperti industri automotif, perbankan dan pelancongan telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat. Ulas pernyataan di atas.
- 4 Perubahan cuaca dunia yang tidak menentu perlu diberikan perhatian. Jelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan pada peringkat antarabangsa untuk menangani perkara tersebut.
- 5 Negara kita yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum, kaya dengan pelbagai budaya seperti makanan, pakaian, tarian dan alatan muzik. Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk memastikan generasi muda dapat mengamalkan, menghormati dan menghargai kepelbagaian budaya ini.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Jun

$2\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

1103/2 © 2014 Hak Cipta Kerajaan Malaysia



Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faktor-faktor obesiti dan kepentingan mengawal berat badan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Obesiti atau kegemukan didefinisikan sebagai lebih lemak tubuh yang boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti darah tinggi dan penyakit kardiovaskular. Menurut kajian, kira-kira 20 peratus rakyat negara kita menghadapi masalah obesiti. Secara umum, obesiti berpunca daripada kandungan nutrisi yang tidak seimbang dalam menu harian. Hal ini berlaku kerana tabiat pemakanan yang lebih mengutamakan keenakan makanan berbanding dengan khasiatnya.

Amalan pengambilan makanan segera seperti makanan berasaskan daging yang diproses turut menjadi penyumbang kepada masalah obesiti. Kajian yang dijalankan pada tahun 2005 hingga 2006 mendapati bahawa 74 sampel makanan segera seperti kentang dan ayam goreng yang dijual di restoran makanan segera sangat tinggi kandungan lemaknya. Selain itu, makanan berasaskan karbohidrat yang diambil secara berlebihan seperti nasi lemak dan roti canai turut menjadi penyebab obesiti. Masalah ini juga berlaku akibat makanan harian yang tinggi kandungan kalornya. Hal ini demikian kerana kalori yang berlebihan akan bertukar menjadi lemak sekiranya tidak digunakan dalam masa yang lama. Untuk menangani masalah ini, kita hendaklah *membudayakan tabiat* pengambilan makanan yang sihat.

Masalah obesiti juga disebabkan oleh amalan penggunaan ubat-ubatan tanpa pengawasan doktor. Misalnya, steroid yang berlebihan dalam ubat-ubatan boleh menyebabkan obesiti dan pelbagai penyakit lain. Walau bagaimanapun, pakar kesihatan juga tidak menafikan bahawa kegemukan boleh berlaku kerana faktor genetik atau keturunan. Hasil kajian di Amerika Syarikat mendapati bahawa anak-anak yang dilahirkan daripada salah seorang daripada ibu bapanya obes mempunyai 40 hingga 50 peratus berkemungkinan menjadi gemuk. Sekiranya kedua-dua ibu bapanya obes, kebarangkalian menjadi gemuk ialah 70 hingga 80 peratus.

Kadar metabolisme yang rendah juga dikenal pasti sebagai penyebab obesiti. Hal ini demikian kerana metabolisme rendah menyebabkan tahap pembakaran kalori menjadi lebih perlahan. Keadaan ini semakin meruncing apabila individu tersebut tidak melakukan senaman dan diet yang seimbang. Dalam hal ini, kita dinasihatkan supaya melakukan aktiviti fizikal sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Perlu diingat bahawa pertambahan berat badan juga berlaku apabila seseorang itu tidak mengamalkan gaya hidup sihat seperti banyak menghabiskan masa menonton televisyen atau bermain permainan video terutamanya kanak-kanak dan remaja. Sehubungan dengan itu, ibu bapa perlu memastikan anak-anak mengurangkan aktiviti menonton televisyen atau permainan video. Kita perlu sedar bahawa obesiti akan menimbulkan pelbagai kemudaratan. Oleh itu, setiap individu perlu bertindak untuk mengelakkan obesiti kerana mencegah lebih baik daripada mengubati.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Nasi Lemak, Oh Nasi Lemak'
oleh Marina Abdul Manaf,
Dewan Kosmik, September 2010

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud *membudayakan tabiat*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan masalah obesiti.
Nyatakan langkah-langkah tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah kesedaran masyarakat tentang bahaya obesiti dapat ditingkatkan?
Jelaskan **dua** cara. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pak Itam mengiring langkah Tuk Mat yang bertubuh sasa itu dengan perasaan yang penuh kesyukuran. Budi Tuk Mat bukan sedikit, kalaulah Tuk Mat tidak ada, hajat dan niatnya sudah tentu tidak akan tercapai.

Kalau harapkan dia untuk menguruskan segala-galanya, manakan terdaya. Usahkan untuk ke sana ke mari, mahu mengheret punggung sendiri pun rasanya sudah tidak terdaya. Tuk Mat dan keluarganya dirasakan sudah jadi bukan orang lain lagi. Rogayahlah yang menjaganya. Halimah anak gadisnya, bersama-sama Rokiah, selang berganti, menghantar nasi dan mengambil kain bajunya untuk dicuci. Yang memeningkan kepala Pak Itam, apabila dibagi duit, baik Tuk Mat, isterinya, Halimah dan Rokiah semuanya menolak. Moga-moga Tuhan sahaja yang akan membalas budi Tuk Mat sekeluarga.

Selepas sembahyang asar, ketika Pak Itam menghulur kepala ke luar tingkap, semua khemah sudah terdiri, kain belon yang berwarna-warni, biru, merah, kuning dan hijau, semuanya ada lapan buah, beralun dan berombak ditiup angin petang.

Isa, Latif, dan Jali tersengih di bawah khemah dekat busut jantan yang dikelilingi oleh rumpun pohon pisang lemak manis. Mereka berhenti rehat setelah habis menampal dan menyusun atur segala potongan akhbar, majalah, buku-buku, dan gambar-gambar Pak Itam untuk pameran.

Dipetik daripada cerpen
'Memori Seorang Tua'
oleh Zahari Affandi
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah pertolongan-pertolongan yang diberikan oleh Tuk Mat dan keluarganya kepada Pak Itam? [2 markah]
- (ii) Sekiranya anda Pak Itam, bagaimanakah anda membalas jasa Tuk Mat dan keluarganya?
Nyatakan **dua** cara. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** latar masyarakat yang lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Raja Indera Bumaya pun tersenyum seraya memandang Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi. Maka katanya, “Marilah tuan santap.” Maka tuan puteri pun santap bersama-sama dengan Raja Indera Bumaya itu. Setelah sudah santap, maka santap sirih di dalam puan serta bergurau dan bersenda dengan segala dayang-dayang inang pengasuh sekalian dan segala isi mahligai itu.

Sebermula pada tiap-tiap hari siang dan malam, orang berkawal di bawah mahligai Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi itu. Empat orang menteri dan empat orang hulubalang memegang senjata dan berbaju rantai berkawal di bawah mahligai tuan puteri itu. Setelah didengar oleh hulubalang suara orang tertawa di atas mahligai tuan puteri itu maka katanya, “Apalah bicara tuan hamba sekalian?” Maka kata seorang lagi, “Pada bicara hamba baiklah kita persembahkan ke bawah duli dahulu. Apalah juga titah Yang Dipertuan kita kerjakan.” Setelah sudah ia mesyuarat itu maka menteri keempat itu pun masuklah menghadap Raja Bahrum Dewa. Maka katanya kepada biduanda itu, “Pergilah persembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan katakan, pada malam tadi kami berkawal di bawah mahligai tuan puteri itu kami dengar suara laki-laki tertawa di atas mahligai tuan puteri itu, hendak *disegerakan pekerjaan* itu kerana belum kami persembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan.”

Dipetik daripada ‘Hikayat Langlang Buana’
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *disegerakan pekerjaan*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh menteri dan hulubalang setelah mereka mendengar suara orang lelaki ketawa di mahligai tuan puteri. [3 markah]
- (iii) Perbuatan Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi menyembunyikan lelaki di mahligainya adalah tidak wajar.
Berikan **dua** alasan anda. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(d) – Seloka

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Seloka Si Luncai

Md. Ali Bachik (ILADAM) (Penyelenggara)

Sikap Si Luncai, biarkan, biarkan ...

Ada rumah tidak dijaga,

Ada anak tidak dilatih,

Ada ternakan tidak dibela,

Ada kebun tidak ditanam,

Ada cerdik tidak selidik,

Ada belajar kepalang ajar,

Ada mengaji tiada mengkaji,

Ada mata tiada kuasa,

Ada kuat tiada buat,

Biarkan, biarkan ...!

Si Luncai pun terjun dengan labu-labunya.

Khazanah Puisi Klasik Melayu, 2003

ILADAM dan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM)

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,

Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *ada mengaji tiada mengkaji*. [2 markah]
- (ii) *Ada anak tidak dilatih* bermaksud ibu bapa tidak memberikan didikan yang sewajarnya kepada anak-anak.
Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh ibu bapa untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang baik? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** persoalan yang terdapat dalam seloka tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) krisis
- (ii) kritis
- (iii) proses
- (iv) protes
- (v) taasub
- (vi) takjub

[6 markah]

(b) *Tukar dialog di bawah dalam bentuk **cakap pindah**. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi dalam dialog tersebut.*

Sarina : Apa yang kamu beli tu?

Fairus : Jambu batu. Buah ini sangat berkhasiat.

Sarina : Apa khasiatnya?

Fairus : Jambu batu mengandungi vitamin dan kalium yang berfungsi sebagai agen nyahtoksik yang dapat memelihara kesihatan dan kecantikan kulit.

Sarina : Kalau begitu, saya akan selalu makan jambu batu.

Fairus : Baguslah. Nah, ambillah dua biji!

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Encik Iskandar yang efisien dalam menjalankan tugas telah dipilih sebagai penerima penganugerahan pekerja cemerlang.
- (ii) Sekolah di kawasan pedalaman itu menjadi mahsyur kerana kejayaannya melahirkan ramai murid yang berjaya lanjutkan pelajaran ke universiti.
- (iii) Walaupun terdapat banyak istilah saintifik, namun tajuk yang sukar itu dapat memahamkan murid-murid kerana penerangan yang diberikan oleh guru itu sangat jelas.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pembentukan siasah yang tinggi perlu dipupuk dari masa ke semasa agar sesuatu yang dihasratkan dapat dicapai dengan jayanya.
- (ii) Kajian mendapati yang pencemaran sungai berpunca daripada barang buangan industri dan kediaman serta kerja-kerja penerokaan tanah.
- (iii) Hutan mempunyai berbagai-bagai fungsi yang bermanfaat kepada masyarakat sejagat selain daripada berperanan sebagai kawasan teduhan hujan.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam ayat-ayat tersebut.*

- (i) Ghazali mewarisi kebijaksanaan ayahnya dalam menguruskan perniagaan keluarga mereka.
- (ii) Nadia cepat memahami dan menguasai apa-apa sahaja yang diajar oleh guru-gurunya.
- (iii) Dia disenangi oleh rakan-rakannya kerana rajin bekerja dan sedia memberikan bantuan apabila diperlukan.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(a) Dalam sesebuah novel, di samping watak utama, terdapat banyak watak sampingan.

Berdasarkan sebuah daripada novel di bawah, huraikan watak dan perwatakan watak sampingan yang telah ditetapkan bagi novel tersebut.

NOVEL**WATAK SAMPINGAN**

- | | |
|--|-----------------|
| (i) Papa... (<i>akhirnya kau tewas jua!</i>) | Jeffri (Papa) |
| (ii) Azfa Hanani | Tengku Muzaffar |
| (iii) Renyah | Datin Tominah |
| (iv) Melunas Rindu | Farhana |
| (v) Konserto Terakhir | Hayati |
| (vi) Kembara Amira | Profesor Zaidah |
| (vii) Sutera dalam Lukisan | Adila |
| (viii) Kabus di Perbukitan | Azrul |

[7 markah]

(b) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan **tiga** contoh nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT